

## Syor pelantar pemasaran digital tingkat perniagaan

**Bangi:** Kerajaan disaran menyediakan pelantar pemasaran digital sebagai platform usahawan wanita menjalankan perniagaan bagi memasar dan mempromosi iklan menerusi web atau laman sosial.

Pada masa sama dicadangkan program 'Transformasi Minda Digital' untuk mengubah pemikiran usahawan wanita menjalankan perniagaan mengutamakan aplikasi dan infrastruktur digital.

Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Madya Dr Madeline Berma, berkata bantuan seumpama itu berupaya memudahkan golongan berkenaan memanfaatkan teknologi digital dalam perniagaan seperti Internet of Things (IoT), analisis data dan aplikasi perniagaan.

Itu sejajar dengan landskap perniagaan semasa yang banyak menggunakan teknologi dan sudut pemasaran dan pengiklanan produk.

### Perkasa ekonomi wanita

"Bantuan pengetahuan dan kemahiran teknologi digital melahirkan individu dalam bidang e-keusahawanan, selain memperkasa dan memperkukuh ekonomi wanita di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas berkenaan manifesto penubuhan Majlis Ekonomi Wanita (MEW) yang digariskan untuk Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), baru-baru ini.

Madeline berkata, ibu tunggal yang terbabit dalam bidang keusahawanan perlu memanfaatkan inisiatif ini dengan membabitkan dan secara aktif dalam perniagaan.

"Mereka boleh menjalankan perniagaan kecil secara separuh atau sepenuh masa bagi mengimbangi keperluan keluarga dan mencari sumber pendapatan," katanya.

Kata Madeline, MEW dilihat dapat memainkan peranan sebagai penasihat dan perunding untuk menentukan hala tuju, pelaksanaan dan pemantauan pembangunan ekonomi wanita.



Bantuan pengetahuan dan kemahiran

teknologi digital melahirkan individu dalam bidang e-keusahawanan"

### Madeline Berma,

Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM